



## SIARAN AKHBAR

### JERAYAWARA AMBD KE KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam

---

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) baru-baru ini telah mengadakan jerayawara bagi pegawai dan kakitangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan di Dewan Di Gadong, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan.
2. Jerayawara ini merangkumi beberapa sesi taklimat dari beberapa unit AMBD. Unit Biro Kredit memulakan jerayawara kementerian tersebut dengan sesi taklimat bertajuk "*Credit Bureau – Its Role in Your Financial Future*", di mana peranan dan kepentingan Biro Kredit, serta perkhidmatan dan manfaat yang dapat diperolehi daripada laporan kredit telah dikongsikan.
3. Semasa sesi taklimat ini, Unit Biro Kredit menggariskan elemen "kepercayaan", di mana Unit Biro Kredit menekankan kepentingan membina dan mengekalkan elemen "kepercayaan" di antara peminjam dan institusi kewangan apabila memohon kemudahan kredit.
4. Taklimat kedua adalah mengenai dengan 'Penipuan Kewangan', di mana Unit Isu Pengguna Kewangan yang, antaranya, bertujuan untuk mengingatkan pegawai dan kakitangan Kementerian Perhubungan cara-cara untuk mengenalpasti penipuan kewangan, seperti skim yang menjanjikan pulangan yang tinggi di dalam masa yang singkat. Taklimat ini diharap akan dapat membantu melindungi orang ramai daripada terperangkap menjadi mangsa skim tersebut.
5. Selain daripada itu, taklimat ini juga menekankan mengenai kepentingan dan manfaat untuk berurusan dengan institusi kewangan yang berlesen, di mana senarai institusi-institusi kewangan yang dilesenkan oleh AMBD boleh didapati di laman web AMBD dan AMBD App. Intitusi-institusi kewangan yang berlesen adalah dikawalselia di bawah undang-undang yang relevan, dan justeru itu, akan melindungi pengguna kewangan daripada amalan-amalan yang tidak adil. Kakitangan di institusi kewangan yang berlesen juga berkelayakan hendaklah memberi perkhidmatan yang lebih profesional, dengan kepakaran yang khusus.
6. Taklimat terakhir, iaitu mengenai dengan Perintah Matawang, 2004, telah disampaikan oleh Unit Pengurusan Matawang. Taklimat ini, antaranya, menerangkan tatacara yang betul dalam mengendalikan matawang dan duit syiling Negara Brunei Darussalam.
7. Di samping itu, pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan juga telah diberi peluang untuk mendapatkan laporan kredit ataupun *Self-Inquiry Report* (SIR) mereka di kaunter perkhidmatan sementara yang telah disediakan semasa jerayawara tersebut. Laporan kredit atau SIR mengandungi maklumat kredit yang terperinci, seperti kad kredit, pembiayaan peribadi, pembiayaan kenderaan motor, bil elektrik dan lain-lain daripada pelbagai institusi

kewangan dan juga institusi bukan kewangan. Dengan mengkaji semula SIR secara teratur, ia membolehkan individu dan juga entiti perniagaan untuk memastikan semua maklumat-maklumat terkandung di dalam laporan kredit yang telah di laporkan oleh institusi kewangan dan juga institusi bukan kewangan adalah betul dan dikemaskini.

8. Pada masa yang sama, Unit Pengurusan Matawang juga membuka kaunter sementara bagi penjualan dan galeri duit-duit syiling kenang-kenangan Negara Brunei Darussalam.
9. Jerayawara ini adalah jerayawara keempat daripada siri jerayawara AMBD bagi Kementerian-Kementerian Kerajaan dengan tujuan untuk memberigakan peranan AMBD dan seterusnya meningkatkan celik kewangan pegawai dan kakitangan agensi -agensi kerajaan. Jerayawara yang serupa juga pernah diadakan sebelum ini bagi pegawai dan kakitangan Kementerian Kewangan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Kementerian Perhubungan.

**Autoriti Monetari Brunei Darussalam**

Rujukan: AMBD/COMMS/3/2016

Tarikh: 7 Zulhijjah 1437/ 9 September 2016